

30/09/2002

Dunia perlu suara bantahan sekat Amerika

Shamshul Azree Samshir

TAIPING, Ahad - Masyarakat dunia perlu menyuarakan bantahan bagi menyekat tindakan Amerika Syarikat yang terus berdegil untuk menyerang Iraq dan menggulingkan Presiden, Saddam Hussein.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata negara yang bergabung dalam organisasi seperti Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negeri Berkecuali (NAM) perlu tegas menyuarakan pendirian, termasuk kepentingan kepada mana-mana negara akur kepada dasar multilateral Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata, ini kerana kedegilan Amerika Syarikat untuk terus menyerang Iraq akan menjejaskan kestabilan dan keselamatan dunia.

"Kita amat berharap pemimpin Amerika Syarikat akan hanya mengambil keputusan yang dipersetujui PBB," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Bukit Gantang di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata, Majlis Keselamatan PBB juga perlu mengambil keputusan tegas dengan tidak membenarkan mana-mana negara di dunia mengingkari ketetapan pertubuhan itu.

"Apabila Iraq membenarkan pemeriksaan senjata PBB memasuki negara, kita sepatutnya membenarkan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengambil langkah susulan yang perlu," katanya.

Beliau berkata, Kofi akan hilang kredibiliti jika beliau membenarkan setiap negara membuat keputusan sendiri serta mengetepikan PBB.

"Malaysia sudah memaklumkan kepada Amerika Syarikat pendirian kita. Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah menyatakan Malaysia membantah mana-mana negara yang mengetepikan PBB," katanya.

Ditanya apakah Malaysia akan mengetuai usaha menyatupadukan negara yang menentang tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq, beliau berkata:

"Kita belum memegang apa-apa jawatan dalam NAM atau OIC. Bagaimanapun apa yang penting ialah kita perlu menyuarakan dan negara lain akan tengok dan diharap mereka memberi pendapat yang sama.

"Kita dapati di Perhimpunan Agung PBB baru-baru ini semua negara mengeluarkan pendapat yang seakan sama dengan Malaysia, lebih-lebih lagi negara membangun."

Syed Hamid berkata, serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq akan mengalih perhatian dunia terhadap keganasan Israel di Palestin dan masalah yang dihadapi di Afghanistan.

Sementara itu, beliau berkata, Malaysia tidak akan campur tangan dalam konflik antara India dan Pakistan berhubung isu Kashmir.

Malah, Syed Hamid berkata, Malaysia tidak berhasrat menjadi orang tengah dalam menyelesaikan konflik itu kerana ia adalah masalah dalaman kedua-dua negara itu.

Katanya, lawatan Perdana Menteri ke India pada 16 dan 17 Oktober ini tidak akan membincangkan perkara itu, sebaliknya akan bertumpu kepada perkara kepentingan bersama.

"Lawatan Perdana Menteri ke India bertujuan melihat perkembangan industri teknologi maklumat (IT) di Hyderabad dan Bangalore dan memberikan ucap tama di sidang Kemuncak Asean-India," katanya.